

A. Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih kata yang paling sesuai. **SP5.1.4**

berehat
gugur

tercetus
bercucuran

melimpah
menjalar

- 1 Pokok labu ayah _____ hingga luar pagar.
- 2 Air sungai itu _____ sebagai akibat hujan lebat selama tiga hari.
- 3 Pergaduhan yang _____ antara Rubern dengan Azim itu sebagai akibat salah faham.
- 4 Pengembara itu _____ sebentar sebelum meneruskan perjalanan.
- 5 Puan Sarah berasa risau kerana banyak rambutnya yang sudah _____.
- 6 Air matanya _____ sebaik-baik sahaja menerima berita sedih itu.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Budak perempuan itu senyum kepada saya.

- 2 Pemimpin dunia itu kecam tindakan tentera Israel membunuh sekumpulan remaja Palestin di Gaza.

- 3 Puan Maznah sambut kedatangan kami sekeluarga dengan gembira.

- 4 Liza dan Hanim duduk bertentang di dalam kereta api yang menuju ke Seremban itu.

- 5 Hakim menjatuhkan hukuman penjara selama enam tahun terhadap penjenayah itu.

- 6 Walaupun keluarganya miskin, Mak Munah merasa bangga kerana semua anaknya berjaya dalam pelajaran.

- 7 Zamir akan memandu basikal baharunya ke sekolah pada hari Isnin nanti.

- 8 Beberapa orang penduduk menentang pendapat yang kemukakan oleh ketua kampung atas sebab-sebab tertentu.

[16 markah]